

17 MAC 2020 (SELASA)



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2020

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)

SHAH ALAM, 17 MAC 2020 (SELASA)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

17 MAC 2020 (SELASA)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

17 MAC 2020 (SELASA)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhurulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, P.P.T. (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

17 MAC 2020 (SELASA)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, P.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

17 MAC 2020 (SELASA)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

17 MAC 2020 (SELASA)

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Izan binti Mohamad Taib
Pembantu Tadbir

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Bentara

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi
Puan Nurul Liana binti Musa
Pelapor Perbahasan

17 MAC 2020 (SELASA)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas pada 17 Mac 2020 dimulakan dengan Bacaan Doa.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Robbil 'Alamiin. Wassolatuwasalamu 'Aala Rasulil 'Aamin Sayidina Muhammadin Waala 'Alihi Wasahbihi Ajma'in*

Ya Allah Ya Tuhan Kami, Sesungguhnya Engkau Tuhan yang memiliki segala kebesaran dan kekuasaan. Kami bersyukur ke hadirat Mu kerana melimpahkan kami dengan nikmat dan rahmat juga mengurniakan kami bumi yang subur dan maju Negeri Selangor Darul Ehsan. Dengan rahmat Mu jua pelbagai rancangan pembangunan telah dinikmati oleh rakyat, pelbagai keturunan dan bangsa yang taat kepada Raja dan Kerajaan Negeri ini. Ya Allah kami memohon kehadiran Mu agar mengurniakan kami sebaik-baik petunjuk dan bimbingan untuk memuliakan kami khususnya Ahli Dewan Negeri meneruskan khidmat menimbang dan memutuskan segala perkara yang dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya segala rancangan pembangunan Negeri Selangor Darul Ehsan berjalan lancar, tepat dan berkesan. Kepada Mu jua Ya Allah kami berserah.

Wassalahu Aala Saiyidina Muhammad Wa'ala Alihi Wassohbihi Ajma'iin Walhamdulillah Rabbil 'Alamiin.

TUAN SPEAKER : Salam Sejahtera dan Selamat Pagi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan Para Pemerhati Sekalian.

Bertemu sekali lagi dalam Mesyuarat Pertama Pembukaan Dewan Yang Mulia ini bagi Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor yang Ke Empat Belas Tahun 2020. Untuk makluman Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri Sekalian, saya telah menerima surat pemakluman daripada Yang Berhormat Puan Lee Kee Hong Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuala Kubu Baharu dan Yang Berhormat Tuan Mohd Sany bin Hamzan Ahli Dewan Negeri Kawasan Taman Templer yang memaklumkan tidak dapat menghadiri Mesyuarat pada kali ini atas faktor kesihatan manakala Yang Berhormat Puan Juwairiya binti Zulkifli Ahli Dewan Negeri bagi Kawasan Bukit Melawati juga tidak dapat menghadiri Mesyuarat kerana kehilangan ahli keluarga terdekat pada Isnin, semalam, 16 Mac 2020. Permohonan cuti Ahli-Ahli Yang Berhormat telah dikemukakan kepada Setiausaha Dewan selaras dengan Peraturan Tetap 79 Dewan Negeri Selangor, saya telah meluluskan permohonan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri Sekalian memandangkan kini wabak Covid-19 telah diisytiharkan sebagai pandemik, semua Ahli Dewan Negeri adalah dipohon supaya

17 MAC 2020 (SELASA)

menjaga etika keselamatan dan kesihatan untuk mengelakkan jangkitan *Covid-19* di dalam Dewan yang mulia ini. Beberapa amalan perlu diambil perhatian iaitu:-

1. Memastikan tahap kesihatan sentiasa dalam keadaan baik bebas dari demam, selesema, batuk dan sesak nafas.
2. Mengamalkan etika bersalam seperti salam sunda, salam hormat dan tidak bersentuhan.
3. Memastikan tangan sentiasa bersih sebelum dan selepas memegang apa-apa kotak dan peralatan serta mengelakkan daripada menyentuh muka.
4. Mengamalkan etika batuk dan bersin dipatuhi dengan memakai tisu atau kain dan sekiranya tiada pastikan menggunakan lengan baju untuk menutup hidung dan mulut.

Tanpa melengahkan masa, saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat

- 1) Kertas Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2020
 - Laporan Ketua Audit Negara Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018 Siri 2 Dan Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Selangor Tahun 2018.
- 2) Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2020
 - Cadangan Pindaan Kepada Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor.
- 3) Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2020
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK – Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Tahap Kemahiran Kebolehkeraan dan Kemahiran Teknikal Yang Mampu Meningkatkan Pendapatan Rakyat Di Negeri Selangor.
- 4) Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2020
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pembasmian Kemiskinan (JPK – Pembasmian Kemiskinan) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Usaha Kerajaan Dalam Meningkatkan Tahap Literasi Pengurusan Kewangan.

17 MAC 2020 (SELASA)

- 5) Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2020
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Pejabat Tanah dan Daerah (JP – PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Kerjasama Di Antara Pihak Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Dan Malaysia Space Agency (MYSA) Untuk Tujuan Pemantauan dan Penguatkuasaan.
- 6) Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2020
 - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP – PBT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Sistem Aduan Di Negeri Selangor.
- 7) Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2020
 - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan Bagi Dewan Negeri Selangor Mengenai Rumah Selangorku Atau Rumah Kos Rendah Di Negeri Selangor.
- 8) Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2020
 - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan Bagi Dewan Negeri Selangor Mengenai Penyelarasan Kaedah Menilai Taraf Kemiskinan Bagi Tujuan Pemberian Bantuan Di Negeri Selangor.
- 9) Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2020
 - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JP – PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Mengenai Status Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran.
- 10) Kertas Mesyuarat Bilangan 10 Tahun 2020
 - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkusa Tempatan (JP – PBT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Isu Peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS).
- 11) Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2020
 - Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.

Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 1.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Bismillahirrahmannirahim. Terima kasih Speaker, Bukit Lanjan dan seluruh Ahli Dewan yang budiman. Saya mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan Bukit Lanjan bersekali dengan Soalan Sungai Burong dan juga Soalan daripada Ahli Dewan Negeri Kawasan Pelabuhan Klang kerana bersangkutan dan berkaitan dalam perkara-perkara yang sama.

Ahli Yang Berhormat Sekalian, Hutan Simpan Kuala Langat ataupun Hutan Simpan Kekal Kuala Langat telah diwartakan pada 13 Mei tahun 1927 dengan keluasan asal berjumlah sekitar 7,246.96 hektar. Kini keluasan Hutan Simpan Kekal Kuala Langat adalah berjumlah lebih kurang 957.63 hektar dan dikelilingi oleh pelbagai pembangunan guna tanah seperti perumahan Saujana Putra, Lebuhraya Elite, perkampungan-perkampungan orang asli, aktiviti pertanian sawit, ladang boh Bukit Cheding dan pembangunan bercampur Gamuda Cove. Selain itu, beberapa kali insiden kebakaran telah berlaku di HSK Kuala Langat Utara ini yang memusnahkan sebahagian kawasan Hutan Simpan Kekal sehingga mengalami kemerosotan kualiti hutan ataupun yang dipanggil sebagai degradasi. 888.21 ekar tanah ataupun ekar kawasan hutan ini telah terbakar. Ini menjadikan sebanyak 30 sehingga 40 peratus daripada keseluruhan Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Utara telah mengalami kemerosotan akibat kebakaran hutan.

Berdasarkan kepada Pelan Pengurusan Kebakaran Hutan bagi Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan 2017 – 2021 jumlah peratusan kawasan ini telah dikategorikan sebagai kawasan berisiko tinggi ataupun zon merah di dalam peta zon risiko kebakaran.

Justeru itu, tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi mengatasi isu kebakaran hutan akan melibatkan sejumlah peruntukan yang besar dianggarkan sejuta ringgit diperlukan dalam pelaksanaan program pencegahan dan operasi pemadaman kebakaran hutan dalam satu-satu masa. Kos ini meliputi kos pembinaan tiga tiub, pembinaan *fire break*, pengaktifan telaga tiub, sewaan jentera semasa kebakaran, penggunaan pesawat bom *beadier* dan lain-lain keperluan logistik. Berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang tinggi ini Kerajaan Negeri perlu meneliti sebaiknya keperluan mengekalkan Hutan Simpan ini serta pulangan ekonomi melalui kaedah seperti kajian kos *benefit analysis*.

Tidak dinafikan bahawa pelbagai aktiviti pembangunan guna tanah yang pesat di sekeliling hutan ini menjadi antara faktor ancaman ke atas pengekalan hutan. Di samping itu, sebahagian kawasan Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Utara ini juga bakal digunakan untuk laluan Projek Laluan Rel Pantai Timur yang melibatkan seluas 9.6 hektar atau 3.2 kilometer radius. Projek ini adalah merupakan Projek Kerajaan Persekutuan dan mempunyai kepentingan yang tinggi kepada manfaat awam dan ekonomi negeri.

17 MAC 2020 (SELASA)

Merujuk kepada Seksyen 11(b), Enakmen Pemakaian Akta Perhutanan Negara 1985 telah menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Negeri telah mengeluarkan mana-mana, boleh mengeluarkan mana-mana kawasan tanah dan hutan simpan kekal jika berpuas hati ianya diperlukan untuk kegunaan ekonomi yang lebih tinggi daripada kegunaan yang sedang dilakukan sekarang.

Berdasarkan keputusan Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri 2019 seluas 931.17 hektar kawasan Hutan Simpan Kuala Langat ini telah diluluskan untuk pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara. Walau bagaimanapun sebelum proses pemberimilikan tanah ini diteruskan syarat-syarat penyahwartaan hutan simpan kekal telah dikenakan untuk dipatuhi sepenuhnya oleh pemohon.

Antara syarat-syarat yang telah dikenakan adalah melaksanakan kaedah penyiasatan awam, penggantian hutan simpan kekal yang setara atau lebih luas saiznya. Proses pengeluaran dan penggantian hutan simpan kekal berlaku secara serentak. Pengenaan bayaran pampasan ganti rugi ke atas kehilangan manfaat hutan dan lain-lain syarat.

Sebagai makluman tambahan beberapa cadangan kawasan ganti telah dikenal pasti yang dikemukakan, yang telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan yang melibatkan keluasan lebih 600 ekar daripada kawasan hutan simpan yang akan diambil jika diteruskan pada masa hadapan.

Merujuk kepada kaedah-kaedah penyiasatan awam 2014, proses penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara masih berada di peringkat awal di mana bantahan-bantahan awam secara bertulis telah diterima oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor selama 30 hari yang berakhir pada 5hb. Februari 2020 yang lalu. Sehingga kini, Jabatan Perhutanan telah menerima sejumlah bantahan dan akan melakukan beberapa analisa dan seterusnya melakukan pendengaran awam ataupun yang dipanggil sebagai *Town Hall Session* yang diadakan untuk tujuan mendapatkan bantahan secara lisan mengenai cadangan penyahwartaan hutan simpan kekal. Sepanjang proses penyahwartaan ini segala bantahan yang dikemukakan akan diteliti dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Penyiasatan Awam yang di Pengerusikan oleh EXCO Kerajaan Negeri iaitu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau Sains Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna sebelum diangkat kembali kepada Kerajaan Negeri untuk meneruskan ataupun tidak berdasarkan justifikasi-justifikasi yang dicadangkan oleh Jawatankuasa yang di ketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar dan Teknologi Hijau. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing dulu.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Speker. Soalan tambahan ialah kepada Syarikat yang diberimilik tanah ni apakah hasil yang akan diterima oleh Kerajaan Negeri hasil daripada penjualan tanah-tanah ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat, ada beberapa elemen yang saya sebutkan tadi iaitu hasil itu boleh dirujuk kepada premium, ini bukan pembayaran. Ini premium ya premium. Apakah pembelian itu, adalah dia bukan beli dia adalah premium dan premiumnya sahaja dan diikuti kehilangan hasil-hasil hutan dan beberapa elemen-elemen yang lain. Kalau diukur daripada premium sahaja nilainya melebihi daripada 300 juta ringgit. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker, sebenarnya sebelum saya tanya soalan susulan saya, saya ingin mengatakan bahawa soalan saya agak terperinci yang belum dijawab. So sebagai contohnya, c apa nama syarikat yang mengemukakan cadangan untuk mendapat hak milik hutan ini? Saya rasa kerajaan belum sempat jawab soalan tersebut. Walau bagaimanapun, saya ingin menyoal apa saya ingin tambah satu soalan iaitu kalau justifikasi Kerajaan Negeri adalah kerana Hutan Simpan Kuala Langat Utara bukan Selatan, Utara, dicadangkan untuk diyahwarta kerana pembakaran terbuka dan sebagainya. Kita ada banyak hutan-hutan simpan yang semasa musim kemarau akan bakar khasnya hutan simpan gambut dan kita ada satu kes yang sangat bagus iaitu di hutan simpan kekal Raja Musa Kuala Selangor di mana bukan beberapa ratus ekar, tetapi beribu-ribu ekar pernah bakar di sana tetapi dengan usaha Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mereka dapat memulih dan NGO-NGO mereka dapat memulih hutan tersebut dan pada hari ini diiktirafkan oleh Komanwel sebagai hutan contoh yang terbaik untuk Malaysia dalam penjagaan dan juga pemuliharaan hutan simpan gambut. Jadi kalau perkara ini...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat soalan?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Kalau perkara ini boleh berlaku mengapa hutan simpan kekal Kuala Langat Utara tidak boleh juga dapat perhatian yang sama seperti di Hutan Simpan Raja Musa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Untuk syarikat tersebut saya akan maklumkan secara bertulis sebab kebetulan tidak disertakan di sini. Syarikatnya ada dan yang berkenaan juga ada. Kalau saya sebutkan nanti kurang *accurate*, akurat atau tepat ia akan menimbulkan salah sangka fitnah dan sebagainya. Yang kedua mengapakah kita telah mengambil keputusan untuk mempertimbangkan, tiada kelulusan lagi ya. Kita mempertimbangkan hal ini kerana kita memikirkan supaya keadaan serta kawasan hutan itu benar-benar wujud sebagai satu kawasan hutan yang murni serta dapat menjalankan fungsi-fungsi utama. Hutan simpan yang bertanah gambut tidak banyak di Malaysia dan Selangor adalah antara negeri yang mampu mengekalkannya seperti Hutan Simpan Raja

17 MAC 2020 (SELASA)

Muda Musa dan kalau ingin melihat daripada konteks keseluruhan atau pun secara makro dengan penggantian kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi ia akan mencantumkan Hutan Simpan Raja Muda Musa dengan kawasan tanah gambut dan kawasan hutan simpan tanah gambut yang baru yang keluasannya dengan lebih. Dan dengan itu sendiri ia akan meningkatkan kualiti hutan simpan Raja Muda Musa atau hutan simpan kekal Raja Muda Musa sebagai satu kawasan ekologi dan ekosistem tanah gambut yang baik dan berkualiti tinggi. Berkenaan dengan Hutan Simpan Kuala Langat, memang itu beberapa solusi awal sebab itu saya sebutkan tentang pembangunan sekeliling seperti Gamuda Cove dan sebagainya untuk mengatasi isu pembakaran pada zaman sebelum-sebelum ini atau pada penggal-penggal sebelum ini dan kelihatan kaedah itu sedikit berjaya untuk mengatasi kebakaran hutan walaupun berlaku kebakaran di kawasan Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Selatan baru-baru ini. Justeru bukan Kerajaan Negeri ingin menghabiskan semua tapi mengurangkan risiko-risiko di kawasan terbabit, sebagaimana formula yang kita lakukan di kawasan pembangunan sekeliling yang dilakukan. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin merakamkan pendirian saya untuk tidak bersetuju dengan *exercise* ini tetapi soalan saya kepada Yang Berhormat ialah apakah tidak, apakah *exercise* ini, menyahwartaan hutan simpan yang terletak Kuala Langat sesuatu yang tidak berbaloi kerana apa yang kita akan lakukan ialah kita menyahwartakan satu hutan simpan yang terletak di tengah-tengah perbandaran dan sekiranya apa-apa, mengikut maklumat-maklumat yang saya terima, kebakaran yang berlaku kawasan Hutan Simpan Kuala Langat utara sebenarnya telah berlaku pada sekian lama, ia tidak berlaku pada tahun lepas tahun-tahun sebelum ini dan terdapat bukti-bukti bahawa terdapat pertumbuhan hutan sekunder di kawasan itu. Jadi kalaulah di bandingkan dengan unit penjanaan premium dan sebagainya kita boleh dapat bukankah lebih berbaloi kalau kita boleh simpan atau pun kita kekal kan kedudukannya dan kita melaburkan wang yang mencukupi untuk memastikan pertumbuhan semula hutan ini di Kuala Langat ini daripada kita keluarkan, kalau kita keluarkan dan kita masukkan tak ada masa tidak berbaloi atau kita keluarkan satu-satu hutan simpan yang sangat-sangat penting di tengah-tengah Kuala Langat di tengah-tengah perbandaran. Kalau ini boleh berlaku, maksudnya boleh kita keluarkan digazet hutan simpan Bukit Gasing, Bukit Lanjan digantikan dengan ...

TUAN SPEAKER : Soalan, soalan Yang Berhormat?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yalah. Adakah itu satu *exercise* yang berbaloi kerana kita boleh nyahwarta mana-mana hutan simpan ganti mana-mana kawasan yang lain. Jadi ia tidak memberi makna kepada kita. Soalan saya ialah adakah itu berbaloi?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sebab itu Kerajaan Negeri mengadakan beberapa sesi, sementara ini kita berada dalam fasa kedua selepas pendengaran awam

ataupun setelah *public complaint* yang boleh disampaikan kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri bersedia menerima cadangan-cadangan tersebut. Sebagai yang saya sebut, apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Banting sebentar tadi, terdapat dalam sebahagian cadangan-cadangan serta masukkan-masukan yang telah diberikan oleh orang ramai, NGO, akademia dan sebagainya. Sebagaimana yang saya maklumkan, Kerajaan Negeri hanya mempertimbangkan dengan kemungkinan-kemungkinan tersebut dan kalau keadaannya memang sangat buruk kepada ekosistem saya percaya Kerajaan Negeri mampu untuk membuat keputusan yang lain dengan tidak membatalkan keseluruhan. Ia mungkin tidak membatalkan keseluruhan hanya sebahagian yang diperlukan dan terkesan teruk. Sebab kita kena ingat sebahagian perkampungan orang asli, saya dimaklumkan bukan semua kawasan adalah merupakan kawasan pemindahan, pemindahan daripada mana? Pemindahan daripada pembinaan KLIA. Maksudnya kalau kita *imagine* dan kita *retro back* ke belakang memang ada beberapa kawasan hutan di Negeri Selangor ini terpaksa kita korbankan untuk membenarkan pembangunan. Cumanya bagaimana Kerajaan Negeri mekanisme Kerajaan Negeri untuk mengekalkan 30%, Alhamdulillah kita dapat kekalkan sampai sekarang. Malahan dalam kes ini ataupun konteks dalam Hutan Simpan Kuala Langat ini, kita berjaya menambah jumlah yang lebih atau pun menggantikan jumlah yang lebih. Jadi kalau apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Banting sebagai contoh tadi kalau benar-benar ia mengganggu, apakah keseluruhannya boleh digantikan atau sebahagian sahaja digantikan. Ini semua kita akan pertimbangkan dengan fasa-fasa seterusnya. Iaitu pendengaran awam dan selepas itu pihak kerajaan Negeri akan menilai sekali lagi sama ada ingin menyahwartakan ataupun membuat keputusan-keputusan sebaliknya. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Kalau tidak silap saya pada 16 Oktober 2014 melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mencadangkan satu kertas MTES kepada Kerajaan Negeri, Program Pemeliharaan dan Pemuliharaan Hutan Simpan di Negeri Selangor terutamanya Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan saya kira inisiatif ini telah melibatkan Jabatan-jabatan atau Agensi-agensi kerajaan dan juga Agensi-agensi NGO termasuklah *Green Environment Center* Orang-Orang Asli dan sebagainya, yang saya kira kawasan ini kawasan yang berisiko tinggi. Adakah, dan inisiatif-inisiatif untuk pemeliharaan dan pemuliharaan telah dijalankan dan melibatkan NGO-NGO dan juga syarikat-syarikat memberikan CSR nya dan jaminan diberikan jangka masa panjang. Adakah program seperti ini yang sangat baik untuk memelihara hutan dan memuliharakan ini diabaikan begitu sahaja. Walaupun tadi disebutkan ada penggantian di kawasan lain. Apakah hak kepada rakyat ataupun masyarakat di Kuala Langat sendiri. Tentang *Green Lang* ataupun hutan simpan yang menjadi sebahagian daripada ekosistem dalam soal pembangunan bukan sekadar hanya semata-mata untuk pembangunan infrastruktur semata-mata. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Untuk soalan asas berkenaan dengan keputusan MTES itu saya perlukan nota kerana ia harus dirujuk kepada program-program yang ada. Saya tidak ada sertifikasi disini namun begitu saya ingin menyebutkan di sini bawah Kerajaan Negeri sentiasa melihat ke hadapan dan memandang ke hadapan sudah pasti Kerajaan Negeri mempunyai beberapa pertimbangan-pertimbangan *Green Lung*, kawasan-kawasan tertentu, tentang kawasan di kawasan hijau di Kuala Langat masih kita pertahankan dan kita kekalkan. Tapi kalau kita mengambil sebahagian untuk pembangunan sebagaimana saya maklumkan tadi KLIA dan kawasan persekitaran itu juga sebagainya adalah hutan simpan kekal. Ia bergantung pada pelan dan perancangan pembangunan yang disusun oleh pihak Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri masih kekal komited 30% dan penggantian akan melalui proses-proses yang saya sebutkan tadi untuk memastikan kita tidak menggadaikan alam sekitar di saat ingin membawa pembangunan. Untuk mengekalkan apa yang ada, makna kita tidak boleh *move* ke mana-manalah. Masalahnya kita kena mempertimbangkanlah. Kalau dahulu kita ada *green field* sekarang kita tidak ada *green field* dah. Kita terpaksa membuat beberapa pertimbangan dengan beberapa inovasi dan juga dengan beberapa perancangan termasuk pendengaran awam dan sebagainya supaya kita dapat mewujudkan apa yang disebutkan titik keseimbangan. Tentang Kuala Langat *Inn Shaa Allah*, saya percaya di beberapa kawasan sekitar itu masih dilitupi kawasan hujan dan saya sebutkan juga tadi Kerajaan Negeri bukan semestinya akan membenarkan keseluruhan kawasan yang tinggal itu untuk diyahwartakan, mungkin sebahagian sahaja yang kritikal dan mungkin sebahagian sahaja akan digantikan. Untuk soalan itu saya perlu memberi sedikit masa saya akan sampaikan kepada Yang Berhormat tentang sumbangan, program yang dilakukan untuk penanaman semula hutan kalau tidak silap saya, keputusan ketika di EXCO.

TUAN SPEAKER : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya ke. 2.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tuan Speaker. Kerajaan Negeri amat mengambil berat tentang pengurusan sisa pepejal di Negeri Selangor dan bertekad untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Selangor secara berterusan. Oleh itu satu kaji selidik untuk penambahbaikan prestasi pihak berkuasa tempatan (PBT) Negeri Selangor yang berfokus khas terhadap pengurusan sisa pepejal sedang dilaksanakan. Antara fokus kaji selidik ini adalah piawaian perkhidmatan KDEB *Waste Management*, penilaian mutu perkhidmatan KDEB *Waste Management* dan tahap kesedaran masyarakat terdapat perkhidmatan yang telah diberikan oleh KDEM *Waste Management*. Set parameter yang ditekankan terhadap prestasi KDEBWM adalah penerimaan dan penyelesaian aduan dan penerimaan Notis Tindakan Pembetulan (NTP) jika terdapat kegagalan kerja di tapak semasa pemantauan secara harian oleh PBT.

Bagi bilangan NTC dan denda ataupun potongan pembayaran yang dikenakan terhadap KDEB *Waste Management* mengikut PBT adalah seperti berikut, bagi MBPJ jumlah NTC adalah 1,295, pemotongan pembayaran adalah sebanyak RM 216,950.00. Bagi Klang jumlah NTC 3,144, pemotongan pembayaran adalah RM 342,700.00. Bagi Ampang Jaya jumlah NTC adalah 2118, pemotongan pembayaran NTC adalah RM 480,250.00. Bagi

17 MAC 2020 (SELASA)

Subang Jaya jumlah NTC adalah 1,361, pemotongan pembayaran NTC adalah RM 377,750.00. Bagi Selayang jumlah NTC 2,946, pemotongan pembayaran NTC adalah RM 748,000.00. Bagi Kajang jumlah NTC 241, jumlah pemotongan pembayaran NTC adalah RM 241,000.00. Bagi Sepang jumlah NTC sebanyak 14, pemotongan pembayaran NTC RM 17,444.65. Kuala Langat jumlah NTC 152, pemotongan pembayaran NTC RM 145,656.90. Dan Hulu Selangor jumlah NTC 255, pemotongan pembayaran NTC RM 40,350.00. Bagi Kuala Selangor jumlah NTC 117, pemotongan pembayaran NTC RM 50,880.62. Sabak Bernam jumlah NTC 27, dan pemotongan pembayaran NTC adalah RM 5,700.00. Bagi Shah Alam yang baru diambil oleh KDEB Waste Management pada Januari tahun ini, tiada lagi NTC yang dikenakan setakat ini.

KDEB Waste Management mempunyai perancangan masa hadapan untuk memperluaskan operasinya termasuk di luar Selangor bagi memastikan kelestarian perniagaan selain mempelbagaikan sumber pendapatannya. Walau bagaimanapun, sebagai anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri, kesemua perancangan perniagaan ini perlulah terlebih dahulu mendapat kebenaran dari Kerajaan Negeri Selangor. Sekian terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya lihat statistik yang dibekalkan oleh Kerajaan dan mendapati bilangan NTC yang dikeluarkan terhadap KDEB Waste Management, sangat jauh berbeza. Ada yang mendapat ratusan dan ada yang sampai ribuan. Jadi saya rasa adakah kerajaan bercadang untuk melakukan satu audit yang menyeluruh terhadap prestasi syarikat ini dah melihat sama ada benarkah angka ini adalah benar dan sama ada terdapat kekurangan atau pun *misreporting* dalam angka-angka ini.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Saya tidak faham apa *misreporting* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Banting, kerana segala NTC adanya rekod, rekod di setiap PBT dan permintaan di PBT yang berlainan seperti bandar raya, perbandaran dan daerah adalah berbeza. Dan kepadatan penduduk juga berbeza. Oleh itu, bilangan atau jumlah NTC memang tidak akan bersama. Jadi Yang Berhormat Banting boleh nampak jumlah NTC memang berlainan dan juga tarikh mengambil alih oleh KDEB Waste Management di setiap PBT juga berbeza. Oleh itu, *this is not an apple to apple comparison* kerana tarikh pengambilan itu berbeza. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Kalau dilihat pada jawapan kerajaan bahawa penilaian prestasi untuk KDEBWM fokus kepada pengurusan sisa pepejal, bagaimana pula dengan pembersihan awam? Kerana kita tahu di kebanyakan

17 MAC 2020 (SELASA)

PBT, KDEB sudah mula mengambil terlibat dalam pengurusan pembersihan awam juga. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tadi angka yang disebutkan oleh saya tadi termasuk pembersihan dan juga kutipan sampah. Jadi untuk jumlah NTC adalah merangkumi kedua-dua aspek.

TUAN SPEAKER : Jeram.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Hulu Kelang.

TUAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya soalan nombor 4.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang, Hulu Kelang. Minta maaf. Saya nampak Jeram. Rindu dengan Jeram pula. Minta maaf ya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Rindu dengan Jeram. Sangat rindu.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya, soalan nombor 3.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Terima kasih Speaker. Speaker terbayang-bayang Jeram. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk menjawab soalan Hulu Kelang berkenaan dengan inisiatif dan usaha yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan Tourism untuk mempromosikan Kampung Kemensah sebagai salah satu kawasan yang berpotensi untuk kawasan pelancongan khususnya untuk pelancongan rekreasi di Negeri Selangor.

Untuk makluman, Kampung Kemensah telah rasmi disenaraikan sebagai destinasi pelancongan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri komited dalam mempromosikan produk pelancongan khususnya di kawasan Hulu Langat ke mata dunia. Produk pelancongan yang berkonsepkan konservasi eko dan alam semula jadi ini menjadi pilihan kepada pencinta alam dan pelancong daripada Eropah, Singapura dan tidak ketinggalan pelancong domestik. Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor membantu memasarkan produk pelancongan ini dan berusaha membantu meningkatkan kedatangan pelancong ke kawasan terbabit.

Antara langkah-langkah Tourism Selangor adalah :-

- i) Melalui pengiklanan media cetak dan bahan terbitan seperti *Selangor Breakaway*, *The Best Selangor* dan Buku Terokai Kehijauan Selangor;

17 MAC 2020 (SELASA)

- ii) Mempromosi dan memperkenalkan produk pelancongan di Kampung Kemensah dalam siri promosi dan di dalam dan luar negara yang disertai pada tahun 2020. Program promosi dalam negara yang disertai oleh Tourism Selangor adalah seperti berikut :-
 - a. Program *Matta Fair* (untuk dua kali setahun);
 - b. *Selangor Inbound Travel Fair* ataupun NITTA;
 - c. *Selangor International Expo (SIE)*; dan
 - d. *Kuala Lumpur Photography Festival*.
- iii) Promosi luar negara adalah seperti:-
 - a. *Asian Tourism Forum*;
 - b. *Satte New Delhi India*;
 - c. *ITB Berlin*;
 - d. *World Travel Market London*; dan
 - e. *Fittur Madrid*.
- iv) Hebahan melalui laman web dan media sosial Tourism Selangor yang mempunyai lebih kurang 300,000 *followers* khususnya untuk *Facebook*, *Twitter* dan juga beberapa yang lain; dan
- v) Seterusnya penganjuran program FAM Trip ataupun *Familiarization Trips* di mana Tourism Selangor dengan kerjasama dengan produk-produk pelancongan berteraskan eko dan alam sekitar menganjurkan sesi lawatan ke tapak ataupun FAM Trip bersama dengan agensi pelancongan dan media agensi tempatan dan antarabangsa; dan yang terakhir
- vi) Menganjurkan program-program domestik berimpak tinggi di kawasan-kawasan terbabit.

Tapi suka saya menyebutkan sebahagian daripada aktiviti-aktiviti seperti promosi, hebahan dalam dan luar negara ataupun program dalam dan luar negara ini sedikit terjejas disebabkan oleh perebakkan *Covid-19* sebagaimana maklum ITB Berlin yang sepatutnya berlangsung pada Mac yang lepas terpaksa dibatalkan berikutan penebaran wabak *Covid-19* di Eropah. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tambahan. Terima kasih Dato' Menteri Besar. Menjawab soalan dengan baik. Terima kasih pihak Kerajaan Selangor yang telah menerima dan mengisytiharkan Kampung Kemensah dan pusat rekreasinya sebagai destinasi pelancongan di Selangor. Dengan itu, soalan saya adakah kerajaan bersedia dan merancang untuk meningkatkan infrastruktur yang ada (kawasan *parking*, jalan tambahan, kawasan yang bersih, tandas dan tempat-tempat rehat rasmi) dan kemudian meluluskan permohonan perniagaan-perniagaan (lesen perniagaan) bagi aktiviti pelancongan yang ada di situ.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR : Terima kasih. Sudah pasti kerajaan negeri bersedia namun kita terpaksa menyusun berdasarkan *priority-priority* tertentu Yang Berhormat sekalian. Sebab ada beberapa kawasan-kawasan yang sememangnya sedia ada menjadi tumpuan pelancongan. Namun Kemensah dan kawasan sekitarnya saya percaya juga sudah menjadi tumpuan ramai dan saya percaya pada hujung-hujung minggu terutamanya, saya pernah hadir di sana untuk beberapa acara memang terdapat kunjungan sosial daripada *domestic tourist* ataupun pelancong-pelancong tempatan.

Tiap-tiap tahun daripada cukai pelancongan kita akan memperoleh 50%. Tahun 2018 kita telah dapat RM 10 Juta daripada keseluruhan kutipan RM 20 Juta cukai pelancongan dan RM 10 Juta itu jugalah yang kita kemukakan sebagai belanjawan kepada Jawatankuasa Tetap Pelancongan untuk diadakan infrastruktur dan tidak ketinggalan melaksanakan program-program promosi pelancongan yang diadakan. Untuk tahun 2019, kita belum mendapat lagi angkanya daripada pihak Kementerian Kewangan. *Inn Shaa Allah* saya percaya kita tetap akan dapat angka yang memberangsangkan. Terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER : Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan saya soalan nombor 4.

TIMBALAN SPEAKER : Silakan Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Ya terima kasih Timbalan Speaker. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Jeram. Saya dah terbiasa tengok Jeram di situ. Terkejut duduk depan hari ini.

Pertamanya, saya ingin menjawab persoalan daripada Jeram yang membangkitkan tentang peruntukan Kerajaan Negeri untuk pembangunan sukan di Selangor. Kerajaan Negeri memang mempunyai peruntukan sebanyak RM 7 Juta yang disalurkan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor bagi tujuan pembangunan sukan di Negeri Selangor bagi tahun 2020. Di antara perincian penggunaan RM 7 Juta ini untuk makluman Yang Berhormat Jeram, peruntukan terbesar adalah diberikan kepada:-

- i) persediaan Sukan Malaysia iaitu sebanyak 44% bersamaan dengan RM 3.1 Juta;
- ii) Peruntukan ini disalurkan kepada kejurulatihan iaitu sebanyak RM 2.05 Juta iaitu 29%;
- iii) Peruntukan diberikan kepada bantuan para atlet iaitu RM 1.5 Juta; dan yang seterusnya adalah

17 MAC 2020 (SELASA)

- iv) Bantuan kepada Pusat Latihan Majlis Sukan Daerah sebanyak RM297,000 iaitu 4.2%; dan yang terakhir adalah
- v) Pengurusan di peringkat Majlis Sukan Daerah 0.6%.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa Selangor dikenali sebagai negeri yang mempunyai arena sukan yang berjaya dan kejayaan ini telah kita buktikan dalam temasya-temasya yang besar seperti SUKMA dan terbukti apabila kita menjadi juara keseluruhan ke SUKMA ke-18 pada tahun 2016. Jadi fokus kita adalah itulah peruntukan sebanyak RM 7 Juta dan fokus kita pada tahun ini adalah SUKMA di Johor. *Inn Shaa Allah* kalau tidak dibatalkan masih dalam perundingan dan kita juga mempunyai sasaran untuk menjadi ketiga (tempat) di SUKMA Johor nanti.

Bagi soalan yang kedua, adakah Kuala Selangor boleh mendapatkan sebuah pusat akuatik renang yang boleh menjadikan salah satu peluang dalam bidang melatih atlet renang bagi negeri Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan di antara isu yang dibangkitkan sekiranya kita nak membangunkan pusat sukan adalah bukan membangunkan pusat itu sendiri. Tetapi persoalan besar yang dihadapi oleh kerajaan-kerajaan negeri adalah bagaimana kita nak menampung penyelenggaraan selepas daripada kita bina. Ini menjadi isu yang banyak kita, yang harus kita fikirkan secara mendalam. Dengan sebab itulah untuk membina pusat akuatik di Daerah Kuala Selangor ini menelan anggaran perbelanjaan RM 40 Juta melainkan kalau Jeram (Yang Berhormat) boleh meyakinkan Kerajaan Persekutuan dengan dana ini mungkin kita boleh fikirkan bagaimana. Kos penyelenggaraan tahunan juga mampu mencecah sehingga RM 3 Juta di antara RM 3 Juta sehingga RM 5 Juta setahun.

Untuk makluman Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, polisi penganjuran Sukan Malaysia yang buat masa ini hanyalah menumpukan kepada menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan. Pihak Persekutuan telah menyatakan bahawa kalau kita nak menganjurkan sukan ataupun menjadi tuan rumah, bantuan dana itu hanyalah untuk menaik taraf, bukan membina yang baru. Dan polisi ini juga telah dibuat atas syor daripada Unit Perancang Ekonomi kepada Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sukan Negara yang berkaitan pemilihan tuan rumah SUKMA yang akan datang.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Soalan tambahan.

TIMBALAN SPEAKER : Silakan Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Y.B. EXCO, kita sedia maklum di Kementerian Pendidikan telah meletakkan satu cara untuk meningkatkan sukan iaitu syorkan sekolah-sekolah tertentu memilih salah satu sukan untuk dijadikan sukan yang efektiflah di peringkat daerah mahupun negeri. Jadi adakah MSN di bawah Kerajaan Negeri Selangor, kita khususkan di setiap negeri wujudkan satu sukan yang mana pihak MSN menyediakan kemudahan itu untuk meningkatkan taraf ataupun kualiti sukan itu untuk membolehkan kita tahu di parlimen mana di dalam Selangor ini boleh meningkatkan dari sudut sukan.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Yang Berhormat mengaitkan sukan dengan pendidikan. Betul ya Yang Berhormat ya? Pendidikan sekolah? Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ilham daripada YAB Menteri Besar kita adalah supaya kita mengadakan satu kerjasama di antara Majlis Sukan Negeri, Yayasan Selangor untuk membiayai satu sekolah melalui tabung-tabung kita untuk mendidik bakat-bakat adik-adik kita di sekolah. Cuma masalah yang kita hadapi di peringkat sekolah-sekolah ini adalah nombor satu *facility*. Mereka tidak mempunyai kemudahan yang sesuai. Yang kedua, walaupun mereka nak menjadikan sukan ini sebagai pusat latihan adik-adik kita sekolah, tetapi pertembungan di antara yang mana dulu. Mereka takut sukan lebih kepada pendidikan, pendidikan ini lebih kepada sukan. Ini antara perkara.

Walau bagaimanapun, ini adalah perkara yang baik. Sekiranya Kerajaan Persekutuan ingin melanjutkan lagi program ini, Majlis Sukan Negeri bersedia membantu adik-adik kita yang dari Selangor khususnya untuk menjadikan mereka sebagai adik angkat kita ataupun pelajar angkat kepada Majlis Sukan Negeri dan dibiayai oleh Yayasan Selangor untuk kita latih mereka untuk menjadi para atlet di masa akan datang. *Inn Shaa Allah* Kerajaan Negeri terbuka dalam hal yang demikian.

Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD : Soalan tambahan.

TIMBALAN SPEAKER : Silakan Ijok.

Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Ijok ingin menanya kepada EXCO. Dulu, Selangor ialah salah satu negeri yang digerun, ditakuti dalam Malaysia dalam bidang sukan bola sepak, olahraga, hoki. Jadi saya nak tanya, Ijok ingin tanya apakah rancangan-rancangan terdekat atau panjang untuk kita kembalikan prestasi macam tahun 70an, 80an. Sekarang tengok, kalau kita tengok prestasi Negeri Selangor dalam semua bidang sukan kita tak adalah kita boleh banggakan.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Ya, itu adalah satu cabaran kita. Saya ingat Selangor ini bukan pernah ditakuti. Saya ingat kita masih lagi antara nama yang besar dalam sukan sama ada di SUKMA ataupun dalam arena bola sepak. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat kita (Majlis Sukan Negeri) akan sebagaimana yang disebutkan tadi kita *start* daripada bawah melatih adik-adik kita untuk ke bidang sukan dan saya yakin dengan kerjasama dengan persatuan-persatuan yang berperanan besar dalam menaikkan mutu bola sepak, mereka akan bergerak di bawah macam Persatuan Bola Sepak Selangor di bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Raja Muda Selangor sedang berusaha untuk menaikkan nama Selangor. Ini adalah perkembangan semasa Yang Berhormat Ijok. Tetapi Selangor kita akan terus berusaha mengekalkan nama kita dalam arena-arena yang besar. Ya, betul kita nak kembali ke zaman 70an, 80an. Mungkin kita kena cari kaedah yang terbaik bagaimana untuk naikkan nama.

TIMBALAN SPEAKER : Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : *Bismillahirrahmanirrahim.* Assalamualaikum dan Salam Sejahtera Yang Berhormat Timbalan Speaker. Soalan saya nombor 5.

TIMBALAN SPEAKER : Silakan, Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Timbalan Speaker, terima kasih Sungai Air Tawar. Soalan ditanyakan adalah berkaitan dengan Prestasi Pengerusi MPKK dan juga bagaimanakah pemilihan serta pelantikan yang dibuat. Saya di sini ingin saya maklumkan bahawa prestasi Pengerusi MPKK sebagai agen penggerak kerajaan dinilai keberkesannya melalui beberapa kaedah pengukuran seperti:

- 1) Ke kerapannya pelaksanaan mesyuarat di peringkat MPKK;
- 2) Bilangan kehadiran mesyuarat bersama agensi kerajaan;
- 3) Bilangan kehadiran ke majlis rasmi Kerajaan Negeri;
- 4) Kerjasama kepada jabatan dan agensi; serta
- 5) Program-program yang dilaksanakan di kampung-kampung masing-masing

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pada tahun 2019, telah melaksanakan penarafan bintang ataupun *star rating* bagi jawatan ketua kampung atau Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung bagi menilai prestasi mereka. Dalam garis panduan yang telah dinyatakan bahawa *star rating* ini akan melibatkan 3 segmen yang penting. Pertamanya, diukur dalam konteks pentadbiran, iaitu menyumbang kepada 40% daripada markah yang diberi. Yang keduanya, ditimbang ataupun dilihat dalam konteks aktiviti kemasyarakatan dan yang ketiganya pencapaian-pencapaian yang pernah didapati oleh setiap kampung tersebut. Dan penilaian ini, untuk *star rating* kita nilai setahun sekali tetapi untuk penilaian MPKK khususnya dalam konteks pentadbiran kita nilai sebanyak 6 bulan sekali. Jadi itu sebelum ini, penilaian yang dibuat maknanya sebelum 2019, penilaian hanya fokus pada tiga kategori sahaja iaitu penubuhan MPKK, maksudnya penubuhan ada, pengerusi ada dan bironya cukup. Yang keduanya ialah laporan program dan juga minit kewangan. Tetapi selepas 2019 ditambah baik lagi dengan *star rating* dan juga 5 perkara yang saya sebutkan di atas. Untuk itu prestasi MPKK kali ini bukan sahaja dinilai sekadar pengerusinya sahaja tetapi kita juga telah pun memantau dan menilai prestasi biro-biro melalui program i-desa yang telah pun dilaksanakan. Dan untuk soalan kedua, pelantikan jawatan ketua kampung adalah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar melalui MMKN dan pelantikan ketua kampung adalah menepati kriteria. Boleh dikatakan 371 yang ada ini semuanya telah pun menepati kriteria, kalau adapun dalam konteks umur yang kadang-kadang kita letakkan tidak boleh melebihi 65 tahun itu, ia akan diangkat kepada MMKN untuk memastikan keputusan itu dibuat melalui MMKN disebabkan kriteria itu tidak ataupun melebihi garis panduan yang diletakkan. Terima kasih itu sahaja Tuan Speaker.

TIMBALAN SPEAKER : Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang kita ketahui seramai 639 ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung @ MPKK yang dilantik. Saya melihat fungsi mereka di sesetengah kampung tidak mencapai seperti mana yang diharapkan. Khususnya berkenaan dengan kekerapan bermesyuarat dalam membentuk organisasi jawatankuasa di peringkat MPKK masih dilihat tidak memenuhi sepenuhnya. Dan kebanyakan MPKK ini juga saya difahamkan gagal untuk bekerjasama di dalam jawatankuasa kampung. Di samping itu juga seperti mana yang kita ketahui mereka dibekalkan dengan peruntukan setahun sebanyak RM 20 Ribu tak silap saya. Jadi kita nak tahu bagaimana mereka menjalankan ataupun menyalurkan bantuan ini dalam keadaan saya melihat jawatankuasa kampung itu sendiri ada yang tidak sempurna, begitu juga dengan kelulusan mereka. Benarkah mereka ini menepati kriteria seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi itulah soalan saya dan begitu juga dengan peranan ketua kampung dalam menangani isu-isu kerosakan seperti jalan di kampung, lampu dan juga parit yang dilihat kebanyakannya setengah itu tidak menjalankan tugas seperti yang diharapkan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Sungai Air Tawar. Banyak soalan itu. Saya jawab satu-satu, iaitu soalan pertama sebenarnya saya nak betulkan jumlah ketua kampung tradisi bukan 639 hanya 371 kampung sahaja. Tapi jumlah kampung memang banyaklah termasuk dalam kampung rangkaian. Jadi untuk makluman tadi, lantikan itu dibuat 3 tahun; ketua kampung dan untuk penggal ini akan berakhir pada hujung tahun ini. Tetapi dalam tempoh tersebut, saya sebut tadi 6 bulan sekali prestasi itu akan dinilai dan saya tidak nafikan bahawa setelah kita siasatan paling terkini adalah pada bulan Disember 2019 lepas, 42 kampung tidak menepati kriteria ataupun tidak melaksanakan program ataupun tidak menepati penarafan bintang yang telah pun kita letakkan dan sekali gus mereka itu dimohon untuk ditukar. Selain daripada itu kita juga tidak memberi bantuan BKK yang telah diumumkan oleh kerajaan, mereka hanya mendapat minimum. Jadi apa yang ingin saya sebutkan di sini, walaupun seseorang ketua kampung itu dilantik tetapi 6 bulan sekali kita buat jawatankuasa akan bersidang dan akan melihat penilaian tersebut. Sebab itu kita tahu kampung mana yang prestasinya ada kadang-kadang saya tidak nafikan ketua kampung itu, selain tidak mempunyai jawatankuasa ataupun biro-biro tidak dilantik, mereka juga kadang-kadang tidak menepati ataupun tidak menghantar laporan sebagaimana yang diminta pihak Pejabat Daerah, itu juga ditukar.

Dan jika selain daripada itu saya ingin menambah Yang Berhormat, jika mempunyai aduan-aduan daripada pihak orang ramai kita juga sebenarnya ada jawatankuasa khas yang akan melihat dan kalau ia *genuine* ataupun bendanya tulen kita akan mengambil tindakan dan melepaskan mereka daripada jawatan yang ada. Itu di antaranya dan peruntukan RM 20 Ribu itu saya tidak ada perincian sekarang. Peruntukan RM 20 Ribu juga dinilai, kalau kita lihat yang besar peratusan penilaian itu adalah dalam konteks pentadbiran sebenarnya. Pertama kita akan melihat tentang pengurusan mesyuarat, bukan pengurusan kewangan. Maknanya peruntukan RM 20 Ribu yang dibelanjakan untuk apa dan betul kah ia tidak ada *double claim* kalau kita boleh sebutkan iaitu kadang-kadang Pejabat Daerah bagi, ADUN pun dia minta, Parlimen minta tidak ada masalah tetapi jangan *double claim* itu sahaja. Yang keduanya, tentang isu yang dibangkitkan

17 MAC 2020 (SELASA)

jalan-jalan kampung ataupun program-program IPR yang diadakan memang kita nilai juga. Jadi profil kampung dan juga sistem fail juga kita buat satu penilaian kepada mereka. Akhirnya apa yang kita laksanakan adalah kita mahu MPKK dan seluruh biro-biro ini mantap di sudut pengurusan pentadbirannya bukan sekadar menilai, kerajaan juga telah membuat siri latihan-latihan untuk membantu pemantapan ketua kampung dan MPKK. Sekian terima kasih.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan.

TIMBALAN SPEAKER : Silakan, Sijangkang.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya, adakah kami ataupun terutamanya pembangkanglah yang saya tengok semakin hari semakin ramai dan mungkin akan ramai lagi kalau ada keberanian, dibekalkan dengan garis panduan MPKK ini supaya kami juga dapat sama-sama turut memantau prestasi Pengerusi MPKK dan juga MPKK itu sendiri dan saya juga nak bertanya bila Pengerusi MPKK yang baru ini akan dilantik kerana ia memberikan satu permasalahan pada hari ini untuk rakyat berurusan terutamanya dalam sokongan dan juga dalam mengesahkan surat-surat salinan. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih, Sijangkang. Garis panduan itu *Inn Shaa Allah* saya akan bekalkan pada pembangkang supaya pembangkang juga ada hak untuk melihat tentang garis panduan yang ada selain daripada itu *Inn Shaa Allah* pelantikan baru, itulah menyusahkan sikit kerajaan, 65 bila telah pun 65 ketua kampung daripada parti sebelah sana telah pun digantung kerja dan mereka akan dilantik secepat mungkin setelah nama-nama dapat diselesaikan oleh pihak saya dan akan diajukan kepada MMKN. Terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Soalan tambahan saya berkenaan dengan kriteria pemilihan Pengerusi-pengerusi MPKK. Adakah pihak kerajaan boleh mempertimbangkan memberi pengecualian pemilihan ini daripada segi pembahagian parti politik? Sebab saya lihat kadang-kadang ada sesebuah kampung itu ada parti-parti politik ini yang tidak ada, khususnya di dalam kawasan saya sendiri, Sungai Panjang. Disebabkan oleh pembahagian kuota ada yang memerlukan ketua kampung itu dilantik daripada kalangan ahli DAP sedangkan di kampung itu tidak adapun cawangan ataupun ahli DAP sehingga memaksa mereka memilih dan juga menubuhkan cawangan. Jadi pada pandangan saya, adalah baik jika ketua-ketua kampung ini dipilih terpulanglah kalau kerajaan Pakatan Harapan di kalangan parti-parti yang bergabung itu tidak kiralah parti apa pun asalkan orang ataupun pengerusi tersebut disenangi dan juga sesuai di kampung tersebut. Terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER: Silakan, Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Sungai Panjang, banyak pula soalan pagi ini. Saya nak ingatkan walaupun kita menamakan mengikut kuota parti masing-masing tetapi kriteria asas itu masih menjadi pertimbangan. Contohnya yang saya sebut dia mestilah anak kelahiran ataupun warganegara Malaysia ataupun telah menetap di Selangor lepas itu mestilah duduk di kawasan tersebut. Jadi saya yakin semua parti-parti politik yang telah pun diberi mandat itu mengambil kira kriteria ini untuk dimasukkan. Jadi itu saya rasa satu perkara yang kita ambil perhatian dalam masa kita memastikan bahawa pelantikan itu dibuat dengan baik selain daripada mereka tidak mufliis, mereka juga tidak ada sabitan jenayah dan juga telah disahkan sihat dari sudut mental dan fizikal. Itu sahaja jawapan saya, terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER : Soalan seterusnya, Sijangkang.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 6.

TIMBALAN SPEAKER : Silakan, Bandar Baru Klang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Yang Berhormat Timbalan Speaker. Keberhasilan program yang dijalankan oleh HIS (*Halal International Selangor*) adalah seperti berikut: Keberhasilan program yang dijalankan oleh HIS adalah seperti berikut;-

- a. Program Halal International Selangor (HIS) telah merangkumi dua komponen dalam eko-sistem industri Halal iaitu:
 - i. Pembangunan modal insan melalui latihan-latihan pra dan pasca pensijilan halal.
 - ii. Pembangunan industri halal melalui penilaian kesediaan pensijilan halal dan penilaian produk halal.
- b. Sepanjang 2017 – 2019 program-program HIS telah menasasarkan seramai 2,928 peserta. Peserta-peserta ini terdiri daripada pelajar, pemain industri serta penguatkuasa.
- c. Bagi keseluruhan program, sebanyak 80% dan lebih peserta mendapati program yang dijalankan menepati objektif yang disasarkan. Antara objektif-objektif program (secara keseluruhan):
 - i. Meningkatkan kemahiran berkaitan perniagaan dan pensijilan halal
 - ii. Memberikan tambah nilai bagi pengetahuan dan kemahiran bagi pemain-pemain industri
 - iii. Membuka peluang pekerjaan
 - iv. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tentang halal bagi penguatkuasa.

Daripada jumlah yang telah dilatih dan dibimbing sepanjang tempoh 3 tahun, sejumlah 2,172 tenaga teknikal dan profesional telah pun dilahirkan. Terima kasih.

17 MAC 2020 (SELASA)

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan.

TIMBALAN SPEAKER : Silakan, Sijangkang.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Puan Speaker. Antara matlamat adalah untuk melahirkan tenaga teknikal profesional dan auditor. Adakah Halal International Selangor ini juga bersedia sebagai satu agensi perunding dan juga mungkin menasihati peringkat *international*, selaras dengan namanya Halal International Selangor bukan sahaja sudut ekonomi, pekerjaan tetapi juga daripada sudut budaya pemakanan kerana pada hari ini budaya manusia makan ini ada makan otak monyet secara hidup-hidup, anak tikus hidup-hidup, sotong hidup-hidup dan kita khuatir dengan budaya makan eksotik ini sehingga yang disyaki di Wuhan, makan kelawar mendatangkan virus, *corona virus* yang sekarang ini menjadi masalah penyakit di peringkat *international*. Adakah Halal International juga bersedia mungkin sebagai satu agensi yang ke hadapan untuk menjadi perunding kepada soal pemakanan sejagat. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Yang Berhormat Timbalan Puan Speaker. Bidang kerja yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sijangkang itu boleh dikaji memandangkan HIS masih pada peringkat permulaan. Program-program ini masih berjalan, baru dimulakan di mana pesertanya hanya 2928 dan pada yang sama HIS juga sedang menggerakkan satu usaha iaitu *International Muslim Friendly Affiliated Network* (IMFAN) yang membantu khususnya mikro SME untuk mendapatkan pensijilan secara berperingkat-peringkat, jadi tugasnya agak berat tetapi syarikat ini masih kecil lagi jadi belum sampai ke tahap seperti yang dicadangkan oleh Sijangkang tetapi kita akan kaji dari semasa ke semasa melihat kepada hasil-hasil kerja yang dijalankan oleh HIS sebelum kita sampai ke tahap itu. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Seterusnya, Bukit Malawati tidak hadir, dengan izin, Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Puan Speaker, soalan saya No. 8.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Timbalan Speaker dan Bukit Gasing dan Ahli Dewan sekalian. Bagi tahun 2019, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan sebanyak 86 lawatan rasmi yang melibatkan kunjungan hormat, misi promosi penggalakan pelaburan, menghadiri persidangan antarabangsa, menjadi peserta pameran, menghadiri kursus serta penyertaan pertandingan di peringkat antarabangsa. Daripada 86 lawatan rasmi yang diadakan, 33 lawatan melibatkan anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri iaitu Yang Berhormat Ahli-ahli MMKN dan 53 lagi lawatan adalah yang tidak melibatkan Ahli-ahli MMKN. Daripada segi peratusannya, 62% tidak melibatkan Ahli-ahli MMKN. Jumlah perbelanjaan bagi keseluruhan lawatan-lawatan tersebut ialah bernilai RM 7.868 Juta ataupun RM 7,868.551.15 oleh pelbagai agensi yang bukannya dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Ada sebahagian lawatan-lawatan tersebut dan kursus serta aktiviti tersebut dibiayai oleh penganjur. Ada sebahagiannya adalah perbelanjaan Kerajaan Negeri seperti promosi pelancongan,

17 MAC 2020 (SELASA)

promosi pelaburan dan ada sebahagiannya melalui pembiayaan Ahli-ahli Majlis ataupun Pihak Berkuasa Tempatan sebagaimana *World Above Forum* dan beberapa aktiviti yang lain. Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Soalan tambahan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih untuk jawapan yang ringkas dan tepat. Boleh saya mohon ada tak *public* ataupun Ahli Dewan Negeri, mempunyai *access* kepada laporan hasil daripada lawatan ini sebab saya yakin selepas lawatan mesti ada satu laporan, mesti ada tindakan susulan yang dirancang dan dilaksanakan oleh agensi-agensi yang berkaitan dan ada tak laporan-laporan ini boleh dibaca oleh orang awam?

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat sekalian, saya percaya laporan itu memang dibentangkan kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan sebahagian daripada kandungan, isi dan juga *content*, dengan izin, ataupun perisian, isi terhadap satu-satu lawatan keluar negara itu akan dibentangkan kepada MMKN. Untuk membenarkannya kepada Ahli Dewan, saya kira masih dibenarkan tapi untuk *public* saya kira ia bukan untuk *public* lah tetapi untuk pengetahuan *stake holders* seperti Ahli-ahli Dewan kita boleh benarkan. Mungkin boleh dikemukakan melalui jawatankuasa-jawatankuasa tertentu ya, jawatankuasa tertentu sebagai contoh Jawatankuasa mengenai anak syarikat. Boleh melihat kepada apakah strategi Invest Selangor, sebagai contoh. Apakah pendekatan Invest Selangor dan itu sebahagian lawatan memang dilaksanakan oleh Invest Selangor, sebahagiannya dibuat oleh Tourism Selangor. Ini antara dua (2) institusi. Untuk Pihak Berkuasa Tempatan saya rasa ada Jawatankuasa Pilihan Khas berkenaan dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Ia juga boleh dipohon melalui jawatankuasa terbabit. Saya rasa ini tiga (3) agensi dan unit yang mempunyai lawatan dengan kekerapan yang agak *frequent*, dengan izin. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan, Sg. Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Berkenaan dengan isu lawatan dan sumbangan daripada anak syarikat ataupun CSR, saya melihat ada beberapa sumbangan-sumbangan ini yang hanya tertumpu pada lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dan saya ingin bertanya adakah sumbangan CSR ini berhak juga diterima oleh Adun-adun lain ataupun Ahli EXCO-EXCO Kerajaan Negeri?

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Yang Amat Berhormat.

17 MAC 2020 (SELASA)

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sini dah siasat. Sumbangan CSR yang mengikutinya dengan izin ke beberapa program adalah melibatkan program sumbangan CSR MBI untuk aktiviti-aktiviti Anak Selangor di luar negara. Yang jelasnya ialah melibatkan mahasiswa mahasiswi kita di Timur Tengah dan baru-baru ini bertemu dengan mahasiswa mahasiswi kita yang berada di Indonesia dengan jumlah mereka hampir 500 – 600 orang. Jadi, sumbangan itu bukan pada saya, sumbangan itu kepada anak-anak kepada, kepada apa? Kepada mahasiswa mahasiswi ataupun Persatuan-persatuan Pelajar yang terbabit kerana, atas sumbangan daripada *Corporate Social Responsibility* anak syarikat. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan seterusnya. Sg. Ramal, tidak hadir. Batang Kali, tidak hadir. Sg. Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Soalan saya No. 11.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Dipersilakan Sg. Tua. No. 11.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Oh dah 11 dah. Terima kasih. Untuk jawapan (a) terdapat 368 kawasan-kawasan yang dikenali sebagai kawasan pendudukan haram ataupun peneroka-peneroka di tanah-tanah Kerajaan Negeri Selangor. Sabak Bernam ada 1, Kuala Selangor ada 43, Klang ada 119, Kuala Langat ada 121, Hulu Langat ada 2, Sepang ada 15, Petaling ada 34, Gombak ada 4, Hulu Selangor ada 29. Secara keseluruhannya, lokasi ini telah dikenal pasti oleh Kerajaan melalui Pejabat Daerah dan Tanah dan telah mengeluarkan Notis Pentadbiran di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara ke atas semua penceroboh di tanah Kerajaan tersebut dan akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara iaitu tindakan perobohan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sejak daripada tahun 2008, Kerajaan Negeri telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menjustifikasikan serta me~~lega~~alkan ataupun mengabsahkan kedudukan-kedudukan mereka dengan proses pemberimilikan tanah dengan tawaran-tawaran tanah yang boleh kita lakukan terutamanya yang dibina sebelum tahun 2008. Kemudian, selepas tahun 2008 dan sebagainya, ia tetap boleh diusahakan dengan menggunakan kadar semasa ataupun atas keputusan-keputusan Kerajaan Negeri yang dipanggil sebagai kaedah-kaedah tanah iaitu pengecualian ataupun penangguhan sebentar premium mereka dengan harapan mereka dapat tinggal di kawasan-kawasan terbabit.

Selain itu, untuk kawasan-kawasan yang kritikal, kita terpaksa melakukan perobohan di samping menawarkan rumah-rumah Selangorku ataupun tempat-tempat tinggal yang lain sebelum perobohan-perobohan dilakukan untuk memastikan tidak berlaku impak yang lebih besar ataupun kesan yang lebih besar seperti banjir, dengan perumahan-perumahan di pesisir sungai ataupun yang tinggal di kawasan rizab-rizab sungai yang menyebabkan sukar sungai untuk dinaiktarafkan ataupun diselenggarakan pada masa-masa hadapan. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Taman Medan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan tambahan saya ialah, adakah Kerajaan Negeri mengenal pasti sebarang bentuk aktiviti yang berlaku di atas aktiviti pendudukan haram tanah kerajaan? Seperti aktiviti kediaman, aktiviti perniagaan, ataupun aktiviti-aktiviti yang lain. Boleh saya dapatkan penjelasan daripada pihak Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Soalan Yang Berhormat itu sudah menjawab sendiri soalan Yang Berhormat. Aktiviti perniagaan, aktiviti tempat tinggal dan kadangkala ada aktiviti-aktiviti seperti ladang ataupun aktiviti ternakan. Baru-baru ini kita terpaksa robohkan kawasan ternakan sebab ia adalah rizab masjid dan ada bantahan-bantahan tertentu tapi kita alihkan kawasan penternakan tersebut di Olak Lempit kalau tak silap saya sebab kawasan itu lebih sesuai. Memang kita kenal pasti aktiviti-aktiviti yang dilakukan kebanyakannya adalah aktiviti-aktiviti seperti penternakan, perumahan dan ada sebahagiannya melibatkan rumah ibadat, yang juga kawasan-kawasan yang lain. Kerajaan Negeri sebenarnya agak fleksibel dalam waktu-waktu tertentu selagi mana ia tidak mengganggu keseluruhan tugas-tugas untuk menaiktaraf, mengganggu tugas-tugas untuk menyelenggara satu-satu kemudahan seperti sungai dan kawasan-kawasan rizab tersebut tetapi kalau ia sudah jadi sebagai unsur keuntungan, yang memberikan kesan ekonomi yang besar, Kerajaan Negeri harus mengenakan cukai dan sebagainya justeru, kita akan melaksanakan tindakan-tindakan susulan. Justeru, kita juga telah meletakkan satu tahun, bermula September tahun lepas sehingga September tahun ini untuk pemutihan kawasan-kawasan kilang yang tidak berdiri, bukan di tanah Kerajaan ya, yang berdiri di tanah yang bukan statusnya. Ada sebahagiannya, dalam status-status pertanian dan selepas ini kita jangkakan mungkin kesan *Covid* ini kita harus pertimbangkan untuk melakukan tindakan-tindakan seterusnya kerana ia mengurangkan hasil dan kesan kepada Kerajaan Negeri yang boleh kita gunakan untuk kesejahteraan rakyat. Terima kasih.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Soalan tambahan.

Y.B. TUAN DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Penjelasan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Sijangkang.

Y.B. TUAN DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Dalam keadaan ekonomi yang semakin merudum dan juga kos sara hidup yang tinggi, nilai ringgit yang menurun dan bencana *Covid-19* ini, adakah Kerajaan Negeri merancang untuk melihat semula polisi-polisi untuk perobohan ini? Kerana ada sebahagian daripada rakyat kita yang hilang pekerjaan, sumber pendapatan kepada mereka. Kalau dirobohkan mungkin tidak ada tempat tinggal, tidak mampu juga untuk menyewa. Mungkin ada polisi-polisi untuk, mungkin bukan memansuhkan tetapi menunda sementara, mungkin sehingga akhir tahun dan sebagainya. Yang sewajarnya boleh dilihat, terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Memang untuk makluman Yang Berhormat Sijangkang, Kerajaan Negeri sebenarnya cuba untuk menggariskan beberapa

17 MAC 2020 (SELASA)

langkah-langkah susulan ataupun langkah-langkah tindakan untuk menangani dampak sosial dan ekonomi daripada *Covid-19* dan perkara itu sedikit sebanyak kita akan bincangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri petang ini dan pihak Pegawai Kewangan Negeri juga sedang merangka sebelum saya umumkan dalam sekitar dua (2) minggu daripada tarikh ini untuk menangani isu-isu tersebut. Mungkin cadangan Yang Berhormat itu akan turut dipertimbangkan namun kita juga nak tengok aspek dampak besar kepada kawasan sekitarnya. Kadang-kadang kita ingin pelihara 50 buah rumah tapi kesan kepada ribuan rumah di banjir-banjir dan juga kawasan lain yang meninggalkan kerugian yang besar. Sebab itu Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan meletakkan konsep kepedulian sebagai *priority* utama sebelum apa-apa perobohan dilakukan, beberapa proses mitigasi dilakukan, beberapa proses perundingan namun sampai ke akhirnya Kerajaan Negeri harus mengambil tindakan kalau diperlu ambil tindakan. Kerajaan Negeri, saya percaya tidaklah bertindak zalim dan kita sentiasa memikirkan daripada masa ke semasa. Malahan dalam beberapa kejadian perobohan kita berani ataupun kita bersedia menanggungkan, jika sedia, mereka ingin keluar dengan cara yang baik kerana waktu peperiksaan kita sedia tangguhkan, waktu perayaan kita sedia tangguhkan. Ini antara pertimbangan-pertimbangan lazim yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri supaya kita dapat memastikan semua memperoleh kedudukan yang selesa dan hidup sama adil di negeri kita, terima kasih.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Puan Speaker, tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin merujuk kepada pendudukan haram yang disebut oleh Yang Amat Berhormat sebentar tadi khusus yang dipanggil Desa Subang Perantau. Desa Subang Perantau ini telah pun dibahaskan beberapa kali di dalam Dewan ini dan telah melibatkan berbagai-bagai agensi, saya harap, adakah, masih adakah ruang dan peluang untuk penduduk-penduduk Desa Subang Perantau ini yang melibatkan 19 buah keluarga supaya rumah-rumah mereka ini tidak dirobuhkan atas dasar peri kemanusiaan dan lain-lain? Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sebagaimana perobohan-perobohan yang kita lakukan sebelum ini, akhirnya Kerajaan Negeri sukar untuk kompromi untuk kekal sebab akhirnya ia memberikan kesan lebih besar kepada kawasan sekeliling. Sebagaimana yang kita hadapi di tempat-tempat yang lain. Mungkin tidak popular keputusan kita pada sekitar kawasan itu tetapi kepada masyarakat ramai yang mendapat dampaknya, kita terpaksa ambil. Sebagaimana yang sedia maklum, kita bersedia untuk memindahkan serta mengalihkan mereka ke tempat-tempat yang tertentu sebagaimana yang telah kita gariskan dalam perobohan-perobohan tersebut. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Soalan tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan saya berkenaan dengan kenapakah Yang Berhormat Adun kawasan tidak dilibatkan sekiranya berlaku apa-apa isu kontroversi di kawasan tersebut? Maksud saya di sini tidak ada perbincangan dengan Adun kawasan itu. Kerana contohnya, saya ucap terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat EXCO Gana kerana apabila ada isu-isu, beliau berbincang dengan saya apabila adanya isu berbangkit di Jeram, tetapi ada juga isu-isu tanah di kawasan Jeram, di mana Yang Berhormat EXCO dan juga MMKN tidak memanggil saya dan berbincang

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Soalan saya berkenaan dengan kenapakah Yang Berhormat ADUN Kawasan tidak dilibatkan sekiranya berlaku apa-apa isu kontroversi di kawasan tersebut. Maksud saya di sini tidak ada perbincangan dengan ADUN kawasan itu, kerana contohnya saya ucap terima kasih dan tahniah kepada Y.B. EXCO Gana kerana apabila ada isu-isu beliau berbincang dengan saya apabila adanya isu berbangkit di Jeram tetapi ada juga isu-isu tanah di kawasan Jeram, di mana Y.B. EXCO dan juga MMKN tidak memanggil saya dan berbincang untuk membuat keputusan walhal bagi saya benda itu satu isu yang sensitif yang mana sekiranya berlaku sebarang kontroversi, pihak media akan tanya pada ADUN kawasan tersebut. Jadi, saya nak bertanya kepada Y.B. EXCO walaupun tanah adalah di bawah bidang kuasa YAB Menteri Besar dan juga MMKN tetapi kenapa tidak melibatkan Y.B. ADUN kawasan. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan, Sungai Tua.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Keputusan Kerajaan Negeri berkenaan dengan tanah akan diambil kira dan diambil maklum daripada laporan-laporan daripada jabatan yang berkenaan seperti Majlis Tempatan, seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, dan tidak ketinggalan Jabatan Pengairan dan Saliran, JKR dan sebagainya. Sebahagian kawasan-kawasan yang diambil mungkin ya, sebab Yang Berhormat Jeram tidak melibatkan *specific* kawasan, kalau *specific* kawasan pun saya tak boleh bagi jawapan. Tapi daripada segi dasarnya ia memang diambil kadang-kadang melibatkan kawasan *reserve*, kadang-kadang memang kawasan untuk penempatan tertentu, kawasan itu memang *reserve* untuk laluan kereta api sebagai contoh, kalau nak menunjuk di suatu kawasan di Kuala Selangor dan itu kita tidak ada pilihan kerana ia menjadi hak milik kepada institusi tersebut, perbadanan kereta api, Jabatan Kerja Raya dan sebagainya. Mungkin kita boleh usulkan selepas ini bahawa untuk suatu proses-proses tertentu pandangan Ahli Dewan Negeri boleh diambil maklum supaya Ahli Dewan Negeri dapat *mitigate* ataupun mengalihkan serta membincangkan dengan pihak-pihak yang terlibat daripada segi sosial, daripada segi pujukan kepada wakil-wakil kepada penduduk-penduduk terbabit untuk berpindah dan sebagainya. Saya rasa kaedah yang dibuat oleh Yang Berhormat Kota Kemuning boleh dilaksanakan di beberapa peringkat-peringkat daerah yang bukan hanya laporan *technical pursue*, tetapi ada *social impact* yang harus kita maklumkan. Terima kasih, Jeram.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan seterusnya, Permatang?

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Soalan saya nombor 12.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Puan Timbalan Speaker, saya mewakili Yang Berhormat Seri Serdang untuk menjawab soalan ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Program Pemulihan Dalam Komuniti singkatannya P.D.K adalah sebuah program yang dijalankan di bawah jawatankuasa yang dilantik dan menerima geran peruntukan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Penubuhan P.D.K adalah berasaskan kepada kerja sukarela yang dijalankan oleh ahli komuniti kepada orang kurang upaya (OKU) yang memerlukan di kawasan masing-masing. Secara tidak langsung, OKU dapat tinggal di dalam komuniti dan menerima perkhidmatan dan peluang yang sama rata. Walau bagaimanapun, program P.D.K ini telah mendapat perhatian dan berjaya memberikan perkhidmatan pemulihan dan pembangunan kepada lebih 20,000 OKU di seluruh Malaysia. Sebanyak 56 buah P.D.K sedang beroperasi di Negeri Selangor dan dikendalikan oleh 56 orang penyelia dan 290 orang petugas. Seramai 2,415 OKU yang berdaftar dan menerima perkhidmatan di P.D.K.

Pada tahun 2018, semua PDK telah didaftarkan di bawah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Buat masa ini, JKM memberikan geran kepada PDK bagi tujuan memberi ,pemberian elaun pelatih OKU, utiliti, sewa premis, elaun penyelia dan petugas serta caruman KWSP dan PERKESO dan geran aktiviti. Geran peruntukan yang diterima dari JKM bagi tujuan bayaran elaun adalah sebanyak RM1,200 kepada penyelia dan RM800 sebulan kepada petugas. Untuk bayaran petugas, ianya tidak selaras dengan arahan pembayaran gaji minima RM1,100 sebulan. Sehubungan dengan itu, kerajaan Negeri Selangor sedang dalam rangka kajian untuk meneliti jumlah tambahan elaun yang bersesuaian bergantung kepada kedudukan kewangan kerajaan Negeri.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Taman Medan?

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Terima kasih, Puan Timbalan Speaker, saya ingin bertanya soalan tambahan. Adakah pusat pemulihan dalam komuniti ini dibenarkan untuk memperolehi ataupun memohon sumbangan-sumbangan daripada individu ataupun organisasi-organisasi korporat bagi membiayai aktiviti mereka? Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Taman Medan, oleh kerana EXCO yang menjawab adalah bukan EXCO yang menjaga portfolio ini, maka tidak ada soalan tambahan. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan seterusnya, Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Soalan saya nombor 13.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan, Kajang.

Y.B. TUAN HEE LOY SAN : Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Bagi membincangkan masalah pencemaran alam sekitar *state issue* pelupusan bahan berbahaya. Kerajaan Negeri telah pun menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Kebarangkalian Tapak Pelupusan Bahan Buangan Terjadual di peringkat Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh MMKN Ke-27/2019 pada 18 September 2019. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Pusat dan Negeri dalam memastikan kesejahteraan serta kebajikan rakyat sentiasa terjamin dan tidak ada kemudaratan terhadap rakyat. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Kebarangkalian Tapak Pelupusan Bahan Buangan Terjadual di peringkat Negeri Selangor yang pertama telah pun diadakan adalah pada 29 November 2019. Keahlian jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

Pengerusi: saya sendiri, Y.B. TUAN HEE LOY SAN,
Timbalan Pengerusi: Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan),
Ahli-ahli Tetap adalah wakil Perbendaharaan Negeri Selangor, yang kedua wakil Bahagian Pengurusan Bencana Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, yang ketiga Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, yang keempat wakil semua Pejabat Tanah Daerah Negeri Selangor, yang kelima wakil semua pihak tempatan Negeri Selangor dan juga Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, Pengarah Lembaga Urus Air Selangor, dan juga KDEB Waste Management. Setiausaha adalah Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN, sekretariat merupakan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor.

Untuk makluman Yang Berhormat, objektif jawatankuasa ini adalah untuk:
Yang pertama mendapatkan maklumat, isu-isu dan permasalahan berkaitan pencemaran, serta pelupusan buangan berbahaya negeri. Yang kedua, menerima dan juga mengkaji laporan mengikut perundangan yang berkaitan dengan SOP pelupusan serta pengurusan bahan buangan berbahaya yang melibatkan berbagai jabatan dan juga agensi. Yang ketiga menerima laporan seterusnya mengeluarkan arahan untuk tindakan jabatan dan agensi berkaitan mengikut undang-undang yang sedia ada. Yang keempat membuat pemantauan dan juga penyelidikan dalam aspek penyelidikan latihan pembangunan, pemantauan, penguatkuasaan dalam pelupusan bahan buangan berbahaya. Yang kelima, menilai dan mencadangkan tindakan penambahbaikan di peringkat Negeri Selangor dalam semua aspek pengurusan pelupusan bahan buangan berbahaya. Yang keenam, menjadikan penghubung Kerajaan Negeri dan Persekutuan dengan masyarakat terutamanya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan pelupusan bahan buangan berbahaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, selain daripada penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Kebarangkalian Tapak Pelupusan Bahan Buangan Terjadual di peringkat Negeri Selangor, Kerajaan Negeri juga telah pun menubuhkan Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh saya. Jawatankuasa Pelaksanaan Pemuliharaan Sungai-sungai Negeri di Selangor yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam,

17 MAC 2020 (SELASA)

Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani. Yang ketiga Jawatankuasa Pencegahan Pembakaran Terbuka peringkat Negeri Selangor juga dipengerusikan oleh saya. Ini merupakan antara usaha kerajaan Negeri memastikan insiden pencemaran tidak berlaku ketika musim perayaan yang boleh menyebabkan gangguan bekalan air akibat daripada penutupan loji rawatan air (LRA).

Operasi pemantauan di lembangan sungai ini diketuai oleh Lembaga Urus Air Selangor dan disertai oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, Pengurusan Air Selangor, Indah Water Consortium, Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan juga Pejabat Daerah Tanah/ PBT Negeri Selangor. Sekian.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan, Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Soalan saya ialah: Kerajaan telah menubuhkan banyak jawatankuasa yang dinyatakan itu dan seperti apa yang ditanya, nampaknya ADUN dan juga Wakil Rakyat tidak begitu terlibat secara langsung dalam jawatankuasa-jawatankuasa ini. Soalan saya kepada Yang Berhormat ialah: Adakah kerajaan bercadang untuk memastikan inti sari ataupun laporan ataupun penyata gerak kerja jawatankuasa-jawatankuasa ini dibentangkan secara berkala ke Dewan yang mulia ini untuk pemantauan para ADUN sekurang-kurangnya saya rasa itu boleh dilakukan tetapi saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan untuk pertimbangkan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan, Kajang.

Y.B. TUAN HEE LOY SAN : Terima kasih atas cadangan daripada Yang Berhormat Banting dan kita memang ada menerima laporan dan juga penyata daripada pihak LUAS di mana pihak LUAS merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk menyediakan laporan terutama semasa pencemaran berlaku dan kita akan *take note* dan kita akan memperdengarkan kepada Yang Berhormat kalau Yang Berhormat meminta daripada kita. Sekian.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan seterusnya, Meru?

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker. Soalan saya nombor 14.

Y.B. TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Meru. Ada 4 minit lagi untuk saya jawab. Secara ringkasnya kita perlu tahu, Meru bertanyakan adakah Kerajaan Negeri mencadangkan menaiktaraf padang bola sepak kampung menjadi padang bertaraf FIFA di setiap DUN.

Kita kena faham apa itu FIFA. Untuk mendapatkan padang FIFA dari segi saiz dia, adakah dia betul, dari segi spesifikasinya betul, keselamatan dan kemudahan. Kalau di kawasan Meru mempunyai saiz yang cukup untuk kita buat padang FIFA, barangkali dengan duit yang Meru ada kita boleh buat tetapi perlu diingat, satu padang FIFA

17 MAC 2020 (SELASA)

menelan harga hampir tiga perpuluhan lima juta (RM3.5 juta) untuk spesifikasi dengan padang, dengan bentuk padang dan sebagainya.

Cuma saya menarik perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, bahawa kerajaan kalau tidak FIFA pun, kita menjalankan program untuk menaik taraf pusat-pusat padang bola dan futsal. Kita telah mendapat kelulusan daripada MMKN Bil 13/2019 pada 23 Mei 2019 yang disahkan pada Bil 14/2019 bertarikh 29 Mei 2019 iaitu sebahagian daripada 1/3 daripada 30 peratus peruntukan projek kecil di bawah peruntukan Dewan adalah boleh digunakan untuk menaiktaraf kemudahan infrastruktur bola sepak dan padang-padang kemudahan yang ada di tempat Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Itu duit Yang Berhormat bercampur dengan duit kerajaan Negeri di bawah peruntukan P01070/2 sebanyak RM40,000.00. Jadi sebagai contoh, katakan Meru mempunyai peruntukan RM780,000.00, 1/3 daripada 30 peratus adalah RM78,000.00 dicampur dengan duit kerajaan negeri RM40,000.00 jadi Yang Berhormat mempunyai RM118,000.00 untuk membuat menaik taraf padang bola sepak ataupun padang futsal. Ini adalah kaedah yang kita gunakan untuk membantu Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

Jadi kita bersetuju bahawa spesifikasi yang diberikan adalah sebagaimana yang dicadangkan oleh Majlis Sukan Negeri Selangor, maknanya spesifikasi yang kita bagi itu adalah kemudahan untuk belia-belia di kawasan Yang Berhormat untuk menjalankan aktiviti padang bola, sesuai, ada padang bola yang saiz yang sederhana, yang mencukupi mengikut tempat masing-masing, ada *grandstand*, apa yang ringkas dan sesuai untuk para belia, dan berkait dengan persoalan yang kedua, adakah kerajaan Negeri ingin membina kemudahan sukan bola sepak futsal bagi semua jantina, ya, kita bersetuju, kita tidak membezakan, sukan ini tidak membezakan jantina. Malah Institut Wanita Berdaya (IWB) dalam pertemuan baru-baru ini telah memohon kerajaan negeri supaya melihat balik, bukan sahaja fokus pada bola sepak, tetapi fokus kepada permainan-permainan wanita, *netball*, bola jaring atau program-program padang yang bersesuaian. Yang Berhormat barangkali boleh menganjurkan program futsal kepada wanita-wanita. Jadi jawapan untuk kerajaan Negeri adalah, ya kita mempunyai beberapa padang bola yang berstandard FIFA pun, kita ada di MPSJ, di Panasonic, kita ada di Kompleks Sukan Sekyen 3, kita sudah ada padang-padang bersaiz ataupun mengikut piawai FIFA.

Jadi Yang Berhormat sekalian, untuk jawapan adakah mengkaji semula, kalau kita beri Yang Berhormat masa, keperluan, kerajaan Negeri boleh melihat balik cuma kita *back in mind, about the costing*, bukan satu *costing* yang murah untuk kita jalankan. Jadi, saya harapkan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian dapat mengambil peluang daripada keputusan Kerajaan Negeri naikkan taraf. Kalau kita gunakan RM40,000 itu untuk naik taraf tidak mungkin akan berlaku. Sebab RM40,000.00 itu cukup untuk membaik pulih, baik yang sikit-sikit. Tetapi dengan polisi baru kerajaan membolehkan kita menaik taraf sebagai satu padang yang bersesuaian. Terima kasih Yang Berhormat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Paya Jaras. Tepat pada waktunya. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini, saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan seterusnya, usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan D.Y.M.M. Sultan Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dipersilakan Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya memohon membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :-

Ampun Tuanku, patik-patik sekalian iaitu Tuan Speaker dan Ahli-Ahli yang sekalian Negeri Selangor yang berhimpun di dalam Dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan D.Y.M.M. Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Ketiga Negeri Selangor Yang Ke-14 Tahun 2020.

Tuan Speaker, Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, kakitangan kerajaan serta para pemerhati yang saya muliakan. Salam sejahtera, salam ukhwah untuk semua. Memandangkan terdapat satu keadaan yang sangat kritikal di mana satu perintah kawalan pergerakan telah diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri semalam, maka saya tidak akan mengambil terlalu banyak masa dalam Dewan ini cuma saya ingin bawa satu pantun ringkas.

Melati kuntum tumbuh melata,
Sayang merbah di pohon cemara,
Bertaballah hati dengan bencana,
Moga hikmah akan diterima.

Jejaran mengkudu berbias kesuma,
Dichelah angsana di tanah jawa,
Rakyat terharu petugas membela,
Di barisan hadapan bertaruh nyawa.

Tetak buluh kajang sepuluh,
Laksana dititing kias ibarat,
Angkat tangan jemari sepuluh,
Doa dipohon biar selamat.

Lebat kemiri pohonnya rendah,
Dahan terikat tali perkasa,
10 jari kami menadah,
Moga Malaysia selamat sejahtera.

Dengan kata-kata itu, Bukit Lanjan ini memohon mencadangkan usul menjunjung kasih titah ucapan D.Y.M.M. Sultan Selangor dan Tuan Speaker, saya mencadangkan agar usul ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

17 MAC 2020 (SELASA)

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB : Saya dengan reda walaupun berat hati memandangkan kemaslahatan yang diperlukan oleh negara, negeri dan Dewan yang mulia ini menyokong.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, saya juga ingin mengambil bahagian dengan memberi satu rangkap sahaja di mana saya bercadang untuk menghantar ucapan saya itu kepada Yang Berhormat EXCO dan juga Yang Berhormat untuk jawapan. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong ataupun di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi seperti berikut :-

Ampun Tuanku, patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun di Dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan D.Y.M.M. Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Ketiga Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ke-14.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'Ya', Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'Tidak'.

Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Usul nombor 1 Tahun 2020, usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPKSAS).

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti yang berikut :-

Bahawasanya menurut perenggan satu Peraturan Tetap 71, Peraturan-Peraturan Tetap Bagi Dewan Negeri Selangor menghendaki diadakan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPKSAS). Jawatankuasa JPKSAS ini adalah untuk memantau selia dan memeriksa segala hal berkaitan dengan atau bawah Kerajaan Negeri Selangor berkenaan pemeliharaan, pemuliharaan dan pengurusan sumber air mentah serta perancangan, pengendalian, penyelenggaraan dan pelaksanaan rawatan air dan pengagihan air dalam segala urusan pentadbiran Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd., semua agensi, badan berkanun, anak syarikat, pihak berkuasa dan pertubuhan. Jawatankuasa ini juga diberi kuasa untuk memantau perkara berkaitan pelaksanaan rancangan dan polisi yang memberikan kesan kepada pengurusan sumber air di dalam Negeri Selangor untuk memastikan bekalan air mentah dan terawat sentiasa mencukupi untuk kegunaan rakyat jelata. Dengan ini, saya mengusulkan bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat berikut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Negeri Selangor (JKPSAS) Yang Ke-14.

Pengerusi : Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Ahli Dewan Negeri Kawasan Subang Jaya)

17 MAC 2020 (SELASA)

Ahli-Ahli :

- 1) Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Ahli Dewan Negeri Kawasan Pandamaran)
- 2) Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Ahli Dewan Negeri Kawasan Kota Anggerik)
- 3) Y.B. Tuan Gunarajah a/l R George (Ahli Dewan Negeri Kawasan Sentosa)
- 4) Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Ahli Dewan Negeri Kawasan Meru)
- 5) Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar (Ahli Dewan Negeri Kawasan Batang Kali)
- 6) Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Ahli Dewan Negeri Kawasan Sijangkang)

Saya mencadangkan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini pun telah disokong. Saya buka untuk dibahaskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bahawasanya Dewan yang mulia ini...Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian...Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Negeri Selangor (JPKSAS) Yang Ke-14 iaitu :-

Pengerusi : Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Ahli Dewan Negeri Kawasan Subang Jaya)

Ahli-Ahli :

- 1) Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Ahli Dewan Negeri Kawasan Pandamaran)
- 2) Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Ahli Dewan Negeri Kawasan Kota Anggerik)
- 3) Y.B. Tuan Gunarajah a/l R George (Ahli Dewan Negeri Kawasan Sentosa)
- 4) Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Ahli Dewan Negeri Kawasan Meru)
- 5) Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar (Ahli Dewan Negeri Kawasan Batang Kali)
- 6) Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Ahli Dewan Negeri Kawasan Sijangkang)

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'Ya', Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'Tidak'.

Usul ini dipersetujui.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mempersilakan Yang Berhormat Bandar Baru Klang untuk membentangkan cadangan pindaan Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor oleh kerana urusan kerajaan telah selesai, saya menggunakan kuasa Speaker di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 76-5 bagi membolehkan usul menerima penyata dibentangkan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Usul Nombor 2 Tahun 2020. Usul Cadangan Pindaan Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya memohon untuk membawa satu usul seperti berikut :-

Bahawasanya menurut Perenggan 4, Peraturan Tetap 69 bagi Dewan Negeri Selangor membuat ketetapan meminda Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor seperti draf cadangan di Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2020.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini pun telah disokong. Menurut Perenggan 4, Peraturan Tetap 69 usul ini tidak perlu dibahaskan lagi dan dikemukakan masalah ini kepada mesyuarat untuk keputusan sehingga Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan menyediakan penyata berhubung cadangan pindaan tersebut kepada Dewan. Oleh itu, usul ini diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan untuk dikaji dan dibincangkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi Bahawasanya menurut Perenggan 4, Peraturan Tetap 69 bagi Dewan Negeri Selangor membuat ketetapan meminta Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor seperti draf cadangan di Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2020.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'Ya', Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'Tidak'.

Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, usul Nombor 3 Tahun 2020. Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :-

Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai pembasmian kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berhubung tahap kemahiran keboleherjaan dan kemahiran teknikal yang mampu meningkatkan pendapatan rakyat di Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini supaya Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2020.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan.

17 MAC 2020 (SELASA)

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi :-

Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai pembasmian kemiskinan (JPK Pembasmian Kemiskinan) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung tahap kemahiran kebolehkeraan dan kemahiran teknikal yang mampu meningkatkan pendapatan rakyat di Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2020.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'Ya', Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'Tidak'.

Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, usul Nombor 4 Tahun 2020. Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Rawang.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :-

Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai pembasmian kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berhubung usaha kerajaan dalam meningkatkan tahap literasi pengurusan kewangan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini bagi Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2020.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini iaitu suatu usul yang berbunyi :-

Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai pembasmian kemiskinan (JPK Pembasmian Kemiskinan) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung usaha kerajaan dalam meningkatkan tahap literasi pengurusan kewangan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2020.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'Ya', Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'Tidak'.

Usul ini dipersetujui.

17 MAC 2020 (SELASA)

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya, usul Nombor 5 Tahun 2020. Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :-

Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Pejabat Tanah dan Daerah (JP PADAT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung kerjasama di antara pihak Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Malaysia Space Agency (MISA) untuk tujuan pemantauan dan penguatkuasaan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2020. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi :-

Bahawasanya menurut Peraturan 76 (5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Pejabat Tanah dan Daerah (JP PADAT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung kerjasama di antara pihak Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Malaysia Space Agency (MISA) untuk tujuan pemantauan dan penguatkuasaan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2020.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'Ya', Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'Tidak'.

Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul Nombor 6 Tahun 2020. Usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :-

Bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa Dewan Negeri Selangor untuk melakukan semua yang wajar untuk melaksanakan perkara berikut iaitu (a) Hotel ataupun Hotel *Suite* yang dibangunkan dalam skim pembangunan bercampur hanya boleh dikeluarkan satu petak atau blok sahaja. Unit-unit dalam petak blok hotel, hotel *suite* tersebut tidak dibenarkan dikeluarkan hak milik strata dan kandungan (b) pembangunan

hotel-hotel *suite* yang tidak dibangunkan dengan pembangunan bercampur tidak boleh dipecah bahagi bangunan dan oleh itu tidak dibenarkan dikeluarkan hak milik strata. Ini merupakan cadangan usul dan saya faham usul ini harus dimuktamadkan. Oleh itu, sementara menunggu perkara di atas saya cadangkan supaya semua permohonan baru untuk memecah bahagi bangunan hotel ataupun hotel *suite* bagi pengeluaran hak milik strata tidak diterima dan bahawa semua permohonan untuk memecah bahagi bangunan hotel, hotel *suite* yang belum diproses dibekukan.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, tujuan usul ini adalah supaya kita dapat memperbaiki salah satu kelemahan ataupun menutup *loop hole*, dengan izin dalam hal pembangunan yang telah wujud beberapa tahun pada kebelakangan ini berkenaan dengan perancangan bandar. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita tidak boleh menafikan keuntungan sering menjadi salah satu objektif utama para pemaju bagi mengoptimalkan keuntungan salah satu trend kini yang sering dilakukan oleh segelintir pemaju adalah mereka memohon untuk mendirikan hotel ataupun hotel *suite* namun selepas itu menjualkan setiap unit dalam hotel tersebut sebagai kediaman kekal contohnya pangsapuri perkhidmatan. Sebab mengapa pemaju-pemaju berbuat demikian adalah kerana keperluan infrastruktur hotel adalah paling rendah. Pengurangan syarat pembangunan infrastruktur akan membawa kepada penjimatan yang tinggi bagi pihak pemaju tetapi akhirnya memalangkan penduduk-penduduk sekitar. Sebagai contoh mengikut Manual Garis Panduan dan Piawaian Negeri Selangor Edisi Ketiga, keperluan tempat letak kereta untuk hotel adalah satu petak tempat letak kereta pada tiga unit hotel. Pada sebaliknya piawaian yang sama untuk memperuntukkan dua tempat letak kereta untuk setiap satu unit kediaman kekal. Ini bermaksud penjimatan sebanyak 83% untuk tempat kereta jika pihak pemaju membangunkan hotel dan bukannya pangsapuri perkhidmatan. Dengan itu, semestinya kita akan ada impak daripada segi trafik lalu lintas dan sebagainya. Penjimatan seperti ini oleh pihak pemaju akan membawa impak yang menjejaskan kehidupan masyarakat tempatan. Akhirnya, kita mungkin akan mengalami kekurangan tempat letak kereta, mengalami jalan raya yang tidak cukup luas ataupun segi infrastruktur yang tidak cukup baik. Oleh itu, akhirnya penduduk-penduduk sedia ada yang wujud sebelum pembangunan ini turut terpaksa menanggung sengsara kesesakan lalu lintas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul yang telah saya kemukakan adalah untuk selaraskan usaha pihak penguasa tempatan yang telah syaratkan bahawa hotel dan hotel *suite* tidak boleh dijual dan tidak boleh dikeluarkan hak milik strata dan pada masa yang sama melindungi kawasan-kawasan di mana Pihak Berkuasa Tempatan belum mewajibkan syarat sedemikian. Usaha menghalang pengeluaran hak milik strata untuk hotel dan hotel *suite* akan mengelakkan pemaju daripada menjual unit-unit yang sama dan pada dalam itu akan mendidik supaya pemaju-pemaju lebih jujur dalam permohonan pembangunan mereka kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Sebenarnya, kandungan usul yang saya syorkan ini bukanlah idea baru. Perkara ini telah dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan 1/2017. Sefaham saya pekeling tersebut wujud di Wilayah Persekutuan akibat pengalaman yang sedang dialami di Selangor sekarang di mana pemaju-pemaju akan memohon untuk membangunkan hotel tapi akhirnya melalui proses

17 MAC 2020 (SELASA)

jual beli dan pengeluaran hak milik strata menukarkan sifat hotel kepada kediaman kekal. Oleh itu, saya rasa wajar kita belajar daripada pengalaman kawasan lain dan tidak mengulangi kesalahan yang sama. Dengan itu, Tuan Speaker saya mohon menyokong.

TUAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, mencadang. Menyokong. Ya, menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi :-

Bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa Dewan Negeri Selangor untuk melakukan semua yang wajar untuk melaksanakan perkara berikut :-

- 1) Hotel-hotel *suite* yang dibangunkan dalam skim pembangunan bercampur hanya boleh dikeluarkan satu petak blok sahaja. Unit-unit dalam petak blok hotel, hotel *suite* tersebut tidak dibenarkan dikeluarkan hak milik strata.
- 2) Pembangunan hotel-hotel *suite* yang tidak dibangunkan dengan pembangunan bercampur tidak boleh dipecah bahagi bangunan dan oleh itu tidak dibenarkan dikeluarkan hak milik strata sementara menunggu perkara di atas dilaksanakan.
 - i) Bahawa semua permohonan baru untuk memecah bahagi bangunan hotel dan hotel *suite* bagi pengeluaran hak milik strata tidak diterima.
 - ii) Bahawa semua permohonan untuk memecah bahagi bangunan hotel, hotel *suite* yang belum diproses dibekukan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'Ya', Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'Tidak'.

Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul Nombor 7 Tahun 2020. Usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Kota Anggerik.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Yang Berhormat Tuan Speaker, memandangkan kita pun ada keperluan yang lebih mendesak berkaitan dengan perintah kawalan pergerakan yang kita terima semalam, saya mohon untuk menarik balik usul ini untuk sidang kali ini dan saya mencadangkan untuk bawa usul ini dalam sidang yang akan datang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Baik Yang Berhormat Kota Anggerik. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini ditarik balik. Seterusnya, Setiausaha Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN : Urusan mesyuarat seterusnya. Usul untuk menangguhkan Dewan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Berhormat sekalian, pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih dan berbanyak-banyak maaf kepada seluruh Ahli Dewan disebabkan beberapa urusan dan keadaan situasi semasa kita harus memendekkan sidang ini dan mengehadkan beberapa usaha-usaha dan juga beberapa perbahasan yang sewajarnya timbul. Namun begitu, pihak Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan membuka ruangan ini dan bukan hanya menjadikan Dewan ini sebagai medium untuk kita menyampaikan maklumat perbincangan serta konteks untuk kemaslahatan serta kebaikan Negeri Selangor secara keseluruhan. Ahli Yang Berhormat sekalian, kita memasuki tahun 2020, kita melalui bulan-bulan pertama pada tahun 2020 dengan pelbagai situasi dan ketegangan. Bermula dengan ketegangan isu kaum dan agama yang berlarutan diikuti ketegangan isu ekonomi dan juga kemelesetan ekonomi yang sudah semakin meruncing dan diikuti timbulnya *Covid-19* dan beberapa isu-isu dan juga peralihan dan pergerakan politik yang meresahkan yang akhirnya menimbulkan kegelisahan dan kedudukan ekonomi yang amat rumit yang harus kita hadapi.

Alhamdulillah Negeri Selangor berjaya meranjau serta melepasi beberapa detik-detik ini dengan semangat muafakat, dengan keutuhan kedudukan pentadbiran Kerajaan Negeri. Justeru daripada keseluruhan konteks titah ucapan Baginda Tuanku yang menyarankan kepada kita untuk mengekalkan kestabilan, kemakmuran politik dan ekonomi adalah tunjang penting yang harus menjadi pertimbangan kepada seluruh Ahli Dewan dan pemimpin-pemimpin di dalam Negeri Selangor yang kita cintai ini. Justeru, harapan saya di saat kita berdepan dengan peningkatan mendadak kes-kes *Covid-19* dan beberapa isu-isu yang berlarutan dan sebagainya kita harus meletakkan *priority* dan keutamaan di dalam kepala dan tindakan-tindakan kita. Justeru, pihak Kerajaan Negeri akan meletakkan kerjasama yang cukup kukuh dengan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan saya berharap sebagaimana saya maklumkan berulang kali kita akan melakukan tindakan secara profesional iaitu berhubungan dengan mereka, berkongsi data dan maklumat dan berkongsi kaedah penyelesaian-penyelesaian untuk *Covid-19* ini kerana ia bukan isu politik, ia bukan isu pertimbangan siapa sokong siapa ataupun siapa jadi Perdana Menteri? Siapa jadi Menteri Besar? Tapi ini isu kehidupan masyarakat dan *survival* rakyat di dalam negeri kita. Selangor adalah paksi ekonomi, Selangor ialah paksi kehidupan di Malaysia. 6.4 juta orang bermastautin dan tinggal dan menjadi rakyat Negeri Selangor. Kita harus bekerjasama untuk hal ini dan sebab itu pihak Kerajaan Negeri telah memulakan langkah-langkah awal dan sekali lagi menyatakan komitmen kita untuk bekerjasama dengan semua pihak, semua lapisan masyarakat untuk kita tangani *Covid-19* sebagaimana yang telah disarankan oleh *expert* atau mereka-mereka yang mahir baik daripada *task force* yang ditubuhkan oleh pihak Kerajaan Negeri ataupun maklumat daripada semasa ke semasa yang dimaklumkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

17 MAC 2020 (SELASA)

Berdasarkan pengalaman kita yang lepas, iaitu semasa fasa pertama di bawah kendalian Yang Berhormat Kuala Selangor pada ketika itu kita dapat mengawalinya. Dan, saya percaya jika semua memberikan fokus, tumpuan dan juga hala tuju kita, kita juga dapat melawan dan juga menangani wabak *Covid-19* ini bersama-sama. Jadi, *Inn Shaa Allah* seruan saya kepada semua marilah kita bantu-membantu antara satu sama lain meneruskan dan kita tidak melupakan tujuan terakhir kita adalah untuk memastikan kejayaan Negeri Selangor berterusan dan kejayaan Negeri Selangor sedikit sebanyak menjamin kejayaan negara kita yang kita cintai.

Yang Berhormat sekalian, Tuan Speaker, dengan itu saya mengusulkan agar Dewan ini ditangguhkan sehingga suatu masa yang ditetapkan kelak. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan persidangan ini, saya mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan di atas kerjasama yang diberikan bagi melicinkan perjalanan Mesyuarat Pertama Pembukaan Persidangan Penggal Ketiga kali ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha Dewan, Urus Setia, Pelapor-Pelapor dan semua petugas-petugas yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung di atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan Mesyuarat berjalan lancar. Kepada semua Yang Berhormat, sila semak draf penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semua ke pentadbiran Dewan sekiranya terdapat pembetulan agar penyata rasmi itu dapat disediakan dan diedar segera kepada Yang Berhormat sekalian. Dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini hingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 12.00 TENGAHARI)